


IQRA'

BIL. 10/2025
OKTOBER



LAWATAN DARI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (PEREMPUAN) KAPAR KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK KEJURUTERAAN

Disediakan oleh : Mohd Farid Mohamed Said

Tarikh : Pada tarikh 9 Oktober 2025

Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan telah menerima kunjungan lawatan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (perempuan) Kapar . Lawatan ini disertai oleh 40 orang pelajar perempuan dan diiringi oleh guru dan Majlis Perwakilan Pelajar . Lawatan ini disambut mesra oleh Ketua Perpustakaan, Puan Norhamimi Othman dan staf perpustakaan Kejuruteraan.

Tujuan lawatan ke Perpustakaan Kejuruteraan ini adalah untuk memberikan pendedahan yang lebih menyeluruh kepada para pelajar dan peserta mengenai peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu, penyelidikan dan rujukan utama di universiti. Lawatan ini juga bertujuan memperkenalkan kemudahan, perkhidmatan digital, serta sumber maklumat yang disediakan bagi menyokong aktiviti akademik dan pembelajaran sepanjang hayat. Melalui lawatan ini, para peserta dapat memahami dengan lebih mendalam tentang fungsi perpustakaan dalam membantu pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran mencari maklumat, dan penguasaan teknologi maklumat dalam dunia pendidikan masa kini.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my